

28/03/1998

Dr Mahathir akan rasmi Kompleks Sukan Negara

Lukman Salleh

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil pada malam 11 Julai ini ketika berlangsungnya kejohanan pra-Sukan Komanwel.

Serentak dengan pelancaran itu juga, Perdana Menteri akan memberikan nama rasmi kepada lima gelanggang utama di KSN.

"Kabinet sudahpun bersetuju dengan nama yang dicadangkan dan kita tunggu pengumuman Perdana Menteri nanti," kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, selepas mendengar taklimat penyediaan atlit Sukan Komanwel di Bukit Jalil, semalam.

Turut hadir ialah timbalannya, Datuk Loke Yuen Yow, chef-de-mission kontinjen negara, Datuk Khalid Yunus, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Bakri Shabdin, dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad.

KSN Bukit Jalil yang dibina dengan kos RM1.2 billion mengandungi lima gelanggang - stadium utama, stadium hoki, kolam renang, stadium tertutup dan stadium skuasy.

Stadium utama, medan acara olahraga selain upacara pembukaan dan penutup Sukan Komanwel, yang boleh memuatkan 100,000 penonton adalah antara yang terancang di rantau ini dan dijangka siap sepenuhnya bulan depan.

Stadium Hoki Bukit Jalil pula mampu memuatkan 12,000 penonton, kolam renang (2,000) stadium skuasy (6,000) dan stadium tertutup (10,000).

Beberapa acara menarik sudahpun dirancang pada 11 Julai ini, antaranya konsert bagi memastikan kehadiran 100,000 penonton untuk memberi peluang kepada penganjur menguji sistem keluar masuk penonton.

(END)